BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 05/12/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 22 Mei 2012

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2012

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang sederhana pada suku pertama

Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku pertama 2012. Meskipun pertumbuhan bertambah baik di Amerika Syarikat (AS), beberapa ekonomi Eropah telah dilanda kemelesetan. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, meskipun pada kadar yang sederhana, disebabkan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan pada suku itu. Permintaan dalam negeri terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun persekitaran luaran mencabar, pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan pada kadar 4.7% (S4 11: 5.2%). Permintaan dalam negeri kekal teguh, disokong oleh kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh sektor swasta dan awam, manakala pertumbuhan eksport telah menjadi sederhana berikutan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor utama ekonomi terus mencatat pertumbuhan yang sederhana pada suku pertama 2012. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih sederhana dalam aktiviti yang berorientasikan eksport telah lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti berorientasikan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan sebanyak 9.6% (S4 11: 10.4%). Pertumbuhan penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.4% (S4 11: 7.3%), disokong terutamanya oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil serta diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik, dan pemberian bantuan kewangan daripada program sokongan pendapatan. Penggunaan awam meningkat sebanyak 5.9% (S4 11: 22.9%) dalam keadaan pengembangan yang berterusan dalam perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pembentukan Modal Tetap Kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16.1% (S4 11: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor awam dan swasta. Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Bagi pelaburan awam, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah disalurkan

terutamanya ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, dan kemudahan awam, manakala perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan dan perlombongan.



Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sederhana pada suku pertama, mencerminkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam aktiviti berkaitan perdagangan serta pertumbuhan yang berterusan dalam aktiviti berkaitan dalam negeri. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan bertambah kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam dan pembangunan projek kediaman. Sektor pertanian menjadi sederhana disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih perlahan, manakala pengeluaran sektor perlombongan berubah arah untuk mencatat pertumbuhan yang kecil.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 2.3% pada suku pertama 2012 (S4 11: 3.2%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* adalah lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang lebih kecil dalam harga daging dan penurunan dalam harga sayur-sayuran. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menjadi sederhana memandangkan kesan daripada penyelarasan harga petrol RON97 pada bulan Januari dan Februari 2011 semakin berkurang.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa lebih rendah pada suku pertama, tetapi jumlahnya kekal besar pada RM18.1 bilion, bersamaan dengan 8.4% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah mencerminkan lebihan barangan yang lebih kecil dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

barangan lebih rendah kepada RM32 bilion disebabkan oleh pertumbuhan import mengatasi eksport.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM10.3 bilion pada suku pertama (S4 11:-RM0.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih dalam pelaburan lain yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk dana portfolio asing yang besar. FDI terus meningkat kepada RM7.5 bilion (S4 11: + RM6.5 bilion) pada suku pertama, disokong oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar dan pendapatan tertahan yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang sedang beroperasi di Malaysia. Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia terus meningkat kepada RM16.9 bilion pada suku pertama (S4 11:-RM14.7 bilion), mencerminkan pemberian pinjaman antara syarikat dalam jumlah yang lebih besar kepada syarikat subsidiari di luar negeri serta aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi. Imbangan pembayaran secara keseluruhan telah berubah arah untuk mencatat defisit sebanyak RM7.2 bilion pada suku pertama (S4 11: + RM6.2 bilion), berikutan lebihan akaun semasa yang lebih rendah dan aliran keluar bersih daripada akaun kewangan yang lebih tinggi.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM416.1 bilion (bersamaan dengan USD135.7 bilion) pada 30 Mac 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi pengurangan nilai disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama dan serantau pada suku itu. Pada 15 Mei 2012, kedudukan rizab berjumlah RM417.5 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong kegiatan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku pertama 2012. Paras semasa OPR ini mencerminkan keadaan monetari yang terus menyokong kegiatan ekonomi negara.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang adalah secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan stabil pada suku pertama 2012. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.53% sepanjang suku itu. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.63% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir Disember 2011: 5.66%). Kos peminjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah masih di bawah paras sebelum krisis.

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM259.9 bilion (S4 11: RM240.6 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi itu disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) bersih. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan

dan PDS terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.3% pada akhir bulan Mac (S4 11: 12.5%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM43.5 bilion pada suku pertama (S4 11: RM19.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM29.8 bilion (S4 11: 3.5 bilion). Dalam sektor awam, perolehan dana bersih berjumlah RM13.6 bilion (S4 2011: RM15.9 bilion).

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 15% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2011: 14.4%), mencerminkan pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta.

Ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS pada suku pertama 2012, sejajar dengan trend mata wang serantau lain. Data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya di Amerika Syarikat, telah menyebabkan peningkatan dalam keyakinan para pelabur dan minat yang kembali pulih terhadap aset kewangan di rantau ini. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (9.6%) dan euro (0.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.1%). Ringgit juga bertambah kukuh berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.1% hingga 3.8%. Pada tempoh 1 April hingga 21 Mei 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (2.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-5.4%), dolar AS (-2.0%) dan paun sterling (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand, dolar Singapura, rupiah Indonesia, dan peso Filipina dan renminbi China antara -0.6% hingga -1.6%.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan kekal kukuh sepanjang suku pertama 2012, disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan keadaan pasaran kewangan yang terurus. Pengantaraan kewangan yang terus berfungsi dengan berkesan telah menyediakan persekitaran yang diperlukan untuk kegiatan ekonomi.

Sektor perbankan kekal berdaya tahan pada suku pertama 2012 dan terus mengekalkan kedudukan penampan kehematan, keuntungan dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan kekal teguh masing-masing pada 13.0% dan 14.7%. Di samping itu, sektor insurans kekal berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh sebanyak 224.8%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Ekonomi akan terus pulih pada kadar yang sederhana tetapi masih wujud risiko pertumbuhan yang lebih perlahan

Melangkah ke hadapan, krisis hutang kerajaan di Eropah masih memberikan risiko kepada ekonomi global. Harga minyak yang tinggi secara berterusan, yang didorong terutamanya oleh ketegangan geopolitik, menambah lagi ketidakpastian dalam persekitaran global. Walau bagaimanapun, pemulihan yang berterusan secara beransur-ansur di AS dijangka mencerahkan lagi prospek pertumbuhan global. Bagi Asia, walaupun kegiatan ekonomi mungkin terjejas oleh perkembangan luaran, pertumbuhan dijangka terus disokong oleh asas-asas ekonomi makro dalam negeri yang kukuh serta dasar yang fleksibel.

Bagi ekonomi Malaysia, meskipun persekitaran luaran yang mencabar masih memberikan risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri dijangka kekal berdaya tahan. Perbelanjaan sektor swasta yang terus meningkat, dan disokong pula oleh perbelanjaan sektor awam, dijangka dapat menyokong prestasi pertumbuhan secara keseluruhan.

Bank Negara Malaysia
23 Mei 2012

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my